

## **SKIM BANTUAN ORANG KELAINAN UPAYA ( SBOKU )**

### **1. Tujuan Bantuan**

Tujuan Skim Bantuan Orang Kelainan Upaya ( SBOKU ) ini adalah untuk memberi kemudahan bantuan kewangan atau mata benda kepada pekebun kecil, wargakerja RISDA / SMR atau keluarga terdekat\* yang mengalami kecacatan atau kehilangan upaya bagi meringankan penderitaan hidup dan mengembangkan keupayaannya.

### **2. Skop Pembiayaan**

3.5 Pembiayaan adalah secara 'one-off' samada dalam bentuk kewangan atau mata benda dengan kadar maksimum RM1,000.00.

### **3. Kelayakan pemohon**

3.1 Pemohon mestilah warganegara Malaysia

3.2 Pemohon hendaklah terdiri daripada pekebun kecil / keluarga terdekat yang disahkan oleh Pegawai RISDA Daerah / Jajahan / Bahagian atau Bahagian Tanam Semula Ibu Pejabat atau wargakerja RISDA / Syarikat Milikan RISDA atau keluarga terdekat yang disahkan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab masing-masing.

3.3 Pendapatan isirumah sekeluarga hendaklah RM3,000.00 dan ke bawah sebulan.

3.4 Pemohon perlu mendaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai Orang Kelainan Upaya ( OKU ). Semakan boleh dibuat di laman web Sistem Pengurusan Maklumat OKU "<http://spmoku.jkm.gov.my/smoku/>"

3.5 Pemohon perlu mendapat perakuan untuk alat yang bakal digunakan daripada Pegawai Perubatan Hospital Kerajaan Malaysia.

#### 4. Cara Memohon

- 4.1 Permohonan bantuan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang telah disediakan oleh Yayasan RISDA iaitu Borang SBOKU
- 4.2 Borang permohonan yang telah lengkap dihantar kepada Urusetia Yayasan RISDA melalui Pengarah Bahagian, Pengarah RISDA Negeri, Pegawai RISDA Daerah / Jajahan / Bahagian
- 4.3 Setiap permohonan perlu disertakan salinan dokumen sokongan berikut untuk tindakan urusetia Yayasan RISDA ;
  - i) Salinan Kad Pengenalan Pemohon dan Surat Beranak OKU yang disahkan untuk kegunaan Yayasan RISDA sahaja
  - ii) Salinan Surat Tanam Semula RISDA sebagai bukti Pekebun Kecil ( TS32 / RISDA7 / TS 18A ) atau kad pekerja sebagai bukti wargakerja RISDA / SMR
  - iii) Salinan geran tanah Tanam Semula sebagai bukti Pekebun Kecil
  - iv) Salinan Penyata Gaji / pengesahan Pendapatan Pemohon OKU
  - v) Salinan surat pengesahan Doktor sebagai OKU / Kad OKU
  - vi) Sebutharga Harga Mesin / Alat Bantuan yang diperlukan
  - vii) Gambar pemohon OKU
- 4.4 Setiap permohonan perlu mendapatkan pengesahan dan sokongan Pengarah Bahagian, Pengarah RISDA Negeri, Pegawai RISDA Daerah / Jajahan / Bahagian atau Ketua Pegawai Eksekutif SMR bagi memastikan borang permohonan lengkap, menepati syarat kelayakan bantuan dan mengesahkan pemohon adalah Pekebun Kecil yang berdaftar dengan RISDA atau wargakerja RISDA / SMR
- 4.6 Jawatankuasa Penilai Yayasan akan memberi pertimbangan ke atas semua permohonan yang diterima dan keputusannya adalah muktamad dan Jawatankuasa tidak terikat untuk memberi apa-apa alasan jika terdapat bantahan semasa menolak permohonan.